

18 JUL 1998

Mahathir-Utusan

DR MAHATHIR RASMI KOMPLEKS PERCETAKAN UTUSAN MELAYU

BANGI, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan kompleks percetakan terbaru Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini, hari ini.

Kompleks percetakan bernilai RM110 juta yang dikenali sebagai "Sri Utusan" itu terletak di atas tapak seluas 18,832 meter persegi. Ia dilengkapi dengan peralatan berteknologi canggih dan merupakan kilang percetakan akhbar termoden di rantau ini.

Mesin percetakan jenis Geoman yang digunakan di kompleks percetakan itu berupaya mencetak 70,000 naskah akhbar sejam.

Ia berupaya menjalankan percetakan secara kawalan jauh dari Jabatan Pengarang yang beroperasi di Jalan Chan Sow Lin dan juga dari Paris bagi percetakan akhbar International Herald Tribune.

Utusan Melayu (Malaysia) Berhad mendapat hak bagi mencetak akhbar International Herald Tribune bagi edisi di Malaysia.

Kilang percetakan itu turut dilengkapi dengan sistem konveyer "Muller Martini" bernilai RM16 juta yang membolehkan kerja-kerja memasukkan akhbar sisipan dan lembaran iklan secara "on-line."

Selain bergiat dalam bidang persuratkhabaran dan penerbitan, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad turut menceburi bidang multimedia, penerbitan CD-ROM, pengiklanan luar, pengiklanan radio dan cetak, penerbitan audio-visual, pembuatan alatulis, insurans, pengurusan majlis, pengangkutan serta beberapa aktiviti percetakan komersil serta perkhidmatan menjilid.

Perasmian kompleks itu adalah sempena perayaan ulang tahun ke 60 syarikat itu.

-- BERNAMA

HS PR